

NO. SOALAN : 33

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. DATO' HAJI MAHFUZ BIN HAJI OMAR
[POKOK SENA]**

TARIKH : 22 NOVEMBER 2017

SOALAN :

**YB. Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena] minta MENTERI
PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN menyatakan:-**

- (a) apakah status proses Pensijilan kepada pemandu teksi; dan
- (b) berapakah anggaran kos Kursus dan Pensijilan kepada pemandu teksi dan Persijilan apa yang digunapakai kepada pemandu teksi.

**JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ,
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan pada masa ini tidak menganjurkan apa-apa kursus khas kepada pemandu teksi. Kursus terakhir yang pernah dilaksanakan kepada pemandu teksi adalah berkaitan kursus "Duta Pelancongan Teksi" yang diadakan pada tahun 2012 melibatkan 3,000 orang pemandu teksi bajet, 500 orang pemandu teksi eksekutif dan 500 orang pemandu limosin.

Pada masa ini, Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) dengan kerjasama Kementerian serta Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) sedang melaksanakan program penambahbaikan Modul Latihan bagi Kursus Asas Profesionalisme Pemandu Teksi dan *E-Hailing*. Antara komponen yang diterapkan dalam penambahbaikan ini termasuklah tugas pemandu teksi sebagai duta pelancong dan perkongsian destinasi pelancongan untuk para pelancong.

Tuan Yang di-Pertua,

Anggaran kos dan persijilan bagi kursus ini akan diumumkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) sedikit masa lagi selepas penambahbaikan modul latihan ini disiapkan sepenuhnya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' IR. NAWAWI BIN AHMAD
[LANGKAWI]**

TARIKH : 22 NOVEMBER 2017 (RABU)

SOALAN : 34

Dato' Ir. Nawawi Bin Ahmad [Langkawi] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah Kerajaan bercadang mewujudkan lapangan terbang kedua di Pulau Langkawi, ini adalah kerana lapangan terbang sedia ada di Langkawi telah menghampiri tahap maksimum kapasiti penggunaannya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan melalui pembentangan Bajet 2018 pada 27 Oktober 2017 telah bersetuju untuk menaik taraf Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi (LTAL) sedia ada. Oleh yang demikian, Kerajaan tidak bercadang untuk mewujudkan lapangan terbang kedua di Pulau Langkawi memandangkan LTAL yang akan dinaiktaraf ini mampu untuk menampung kapasiti penumpang kepada 3 juta penumpang setahun (mppa) berbanding kapasiti terminal sedia ada iaitu 1.5 juta mppa.

Sekian, terima kasih.